KERATAN AKHBAR

JUDUL AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 OKTOBER 2026

MUKA SURAT : 8

Warga emas terkejut lihat darah di lantai



Zabidah bersama dua cucunya menunjukan laporan polis ketika ditemui di rumahnya di Kampung Padang Lepai, dekat Kadok.

(Foto Wanna Abdul Rahim/BH)

Jururawat parah ditikam 6 kali, suami direman tujuh hari

Oleh Sharifah Mahsinah Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Seorang wanita warga emas pada awalnya menyangka anaknya, Zulaiha Mat Zin hanya ditumbuk menantunya, sebelum menyedari kejadian itu sebenarnya lebih serius selepas melihat darah di lantai dapur.

Wanita yang mahu dikenali sebagai Zabidah, 78, berkata kejadian di rumah mereka di Kampung Padang Lepai, dekat Kadok, kira-kira jam 8.40 malam Isnin lalu ketika beliau berada di rumah bersama anak perempuannya yang berusia 44 tahun serta dua cucu berusia 12 dan tiga tahun.



Zulaiha Mat Zin

Beliau berkata, suspek secara tiba-tiba merempuh pintu jeriji dapur dan cuba memasuki rumah walaupun dihalang anaknya.

"Anak saya cuba menghalangnya daripada masuk ke dapur tetapi gagal. Lelaki itu terus meluru ke arahnya sambil membuat ugutan.

"Saya yang berada di belakang anak cuba memegang bahagian belakang baju suspek untuk menghentikannya, namun tidak berjaya sehingga mengalami kesakitan pada jari dan lengan kiri.

"Pada mulanya saya menyangka dia hanya menumbuk anak saya, tetapi terkejut melihat banyak darah di lantai," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Zabidah berkata, pergelutan itu menyebabkan cucu lelakinya yang berusia 12 tahun bergegas keluar dari rumah untuk meminta bantuan, manakala suspek melarikan diri tidak lama kemudian.

Katanya, seorang lagi cucu perempuannya yang dikenali sebagai Amirah kemudian datang ke rumah berkenaan dan membantu menghubungi ambulans.

Keluarga berkenaan hanya menyedari mangsa yang juga seorang jururawat di Klinik Kesihatan Chempaka parah di bahagian badan dan leher selepas suspek melarikan diri.

Sementara itu, Amirah, 19, berkata dia yang datang dari rumah bapanya untuk melawat ibu dan neneknya terkejut apabila mendengar kekecohan sebaik tiba di lokasi.

"Apabila mendengar kekecohan, saya terus panik. Saya melihat mak, tok dan adik berada di situ. Saya lihat mak saya cedera," katanya.

Dalam proses perceraian

Amirah mendakwa, ibunya dalam proses memohon perceraian selepas enam tahun berkahwin kerana suspek berulang kali mengugut untuk membunuhnya setiap kali mereka bertengkar.

"Mak sering diugut bunuh sepanjang enam tahun lalu setiap kali timbul pertengkaran. Dia (suspek) tidak pernah berubah.

"Mak sudah membuat laporan polis pada akhir Ogos lalu dan mereka tidak lagi tinggal bersama," katanya.

Suspek yang tidak bekerja dilaporkan menyerah diri di Balai Polis Nilam Puri pada jam 9.15 malam pada hari sama.

Hasil perkahwinan mangsa dan suspek, mereka dikurniakan seorang anak perempuan berusia tiga tahun, manakala menerusi perkahwinan terdahulu, mangsa mempunyai tiga anak dengan Amirah adalah anak sulung.

Terdahulu media melaporkan seorang jururawat parah selepas ditikam enam kali oleh suaminya di rumah mereka di Kampung Padang Lepai, dekat Kadok. Mangsa kini menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd Azmir Damiri, ketika dihubungi mengesahkan kejadian dilaporkan berlaku kira-kira jam 8.30 malam.

Beliau berkata, polis menerima laporan berhubung kejadian itu pada malam sama.

"Polis masih belum mengenal pasti motif kejadian. Suspek direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan," katanya.

Azmir berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah menggunakan senjata berbahaya.